



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 1998

**PELAKSANAAN PERENGGAN 93 PEKELILING PERKHIDMATAN
BILANGAN 9 TAHUN 1991 BAGI MENGAMBILKIRA
TEMPOH CUTI BELAJAR TANPA GAJI**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menetapkan kriteria-kriteria bagi mengambilkira tempoh cuti belajar tanpa gaji di bawah Perenggan 93 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#).

LATAR BELAKANG

2. Berikutan dengan pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#), Kerajaan telah membenarkan tempoh cuti tanpa gaji untuk berkursus diambilkira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan sepetimana di peruntukkan di bawah Perenggan 93 seperti berikut:-

- 2.1 anggota yang berkursus telah diberi kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau tanpa biasiswa;
- 2.2 kursus yang diikuti itu berkaitan dengan perkhidmatan; dan
- 2.3 anggota itu kembali bertugas dengan Kerajaan selepas tamat kursus.

KRITERIA-KRITERIA BAGI MENGAMBILKIRA TEMPOH CUTI BELAJAR TANPA GAJI

3. Kemudahan mengambilkira tempoh cuti belajar tanpa gaji di bawah Perenggan 93 hendaklah tertakluk kepada kriteria-kriteria berikut :-

- 3.1 kelulusan cuti belajar tanpa gaji diberi oleh Bahagian Latihan JPA atau agensi yang diberi kuasa oleh JPA atau Lembaga Pengurusan Badan Berkanun (di mana berkenaan) di bawah [**Perintah 36 Bab C Perintah-Perintah Am 1974**](#) dan bukannya cuti tanpa gaji atas sebab peribadi di bawah [**Perintah 14 Bab C**](#);
- 3.2 sebarang pertukaran bidang kursus perlu diluluskan oleh agensi yang meluluskan cuti belajar tanpa gaji itu;
- 3.3 anggota itu hendaklah lulus dalam pengajiannya dan mengemukakan salinan sijil kelulusan berkenaan kepada agensi yang meluluskan cuti belajar tanpa gaji itu; dan
- 3.4 anggota itu dikenakan syarat berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam/Agenzi/Badan Berkanun selama tempoh cuti belajar tanpa gaji itu sekembalinya bertugas. Jika anggota itu bersara sebelum dapat memenuhi syarat ini, maka hanya sebahagian tempoh cuti belajar tanpa gaji itu boleh diambilkira mengikut mana tempoh yang ia dapat berkhidmat semula itu.

PELAKSANAAN

4. Kelulusan cuti belajar tanpa gaji, sebarang pertukaran kursus serta keputusan akhir pengajian sama ada lulus atau gagal hendaklah dicatatkan ke dalam Rekod Perkhidmatan anggota berkenaan. Bahagian Pencen JPA hanya meluluskan tempoh cuti belajar tanpa gaji itu untuk diambilkira bagi faedah persaraan jika kriteria-kriteria di perenggan 3 di atas dipatuhi sepenuhnya.
5. Kemudahan ini adalah untuk tujuan pengiraan faedah persaraan sahaja.

TARIKH KUATKUASA

6. Kemudahan mengambilkira tempoh cuti belajar tanpa gaji untuk tujuan pengiraan faedah persaraan adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992, iaitu hanya terpakai ke atas mereka yang diluluskan cuti belajar tanpa gaji yang bermula pada atau selepas tarikh itu.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah meliputi Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

Tarikh: 26 Februari 1998

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

